

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD  
(SETIAWANGSA)**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan perincian penggunaan serta kos pembelian dan pengoperasian Aermacchi MB-339CM.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia telah menandatangani kontrak bagi perolehan 8 buah pesawat Aermacchi (MB-339CM) pada tahun 2006 dengan kos pembelian sebanyak RM421.39 juta.

Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah mula menggunakan pesawat ini semenjak tahun 2009 bagi tujuan Latihan Lanjutan Juruterbang Pejuang atau lebih dikenali sebagai *Fighter Lead In Training* (FLIT). Namun begitu, di atas faktor keselamatan, pesawat ini telah digantung pengoperasiannya mulai daripada tahun 2018 sehingga kini. Penangguhan pengoperasian pesawat ini terpaksa dilakukan rentetan daripada beberapa kejadian yang melibatkan masalah teknikal pada enjin pesawat serta satu kemalangan udara yang berlaku pada tahun 2016.

Secara amnya, kos keseluruhan pengoperasian pesawat Aermacchi (MB-339CM) sehingga 2018 adalah sebanyak RM141.62 juta.

Terima kasih.